



KEJAYAAN siswa bukan saja didasari faktor usaha, malah perancangan rapi sejak tahun pertama pengajian. - Gambar/hiasan

# BUKAN ZAMAN BULAN MADU

Siswa tahun pertama perlu belajar sesuai diri, fokus tujuan ke universiti

## FOKUS

### DARI MUKA 1

Pengetua Kolej Kediaman Perwira, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat Dr Afandi Ahmad berkata, siswa baru perlu berpijak di dunia nyata dan jangan terlalu berkhayal menganggap kehidupan di kampus sangat indah dan mudah.

Menurutnya, sebaik menjajakan kaki di kampus, mereka perlu bersikap realistik serta mempunyai perancangan jangka panjang.

"Jangan menganggap kehidupan di kampus sangat indah seperti adegan filem atau drama. Khayalan ini boleh membahayakan kesihatan minda kerana impaknya dikuatiri berpanjangan hingga menyukarkan siswa melakukan perubahan.

"Saya nasihatkan buangan seperti itu, sebaliknya bina sikap

realistik dan tumpukan kepada matlamat untuk belajar dengan berpaksaan dunia nyata," katanya.

Sebagai persiapan awal, siswa baru perlu belajar mengharungi kehidupan di kampus dengan mendapatkan pelbagai maklumat sebagai panduan.

Katanya, langkah itu perlu bagi memastikan mereka tidak mengalami kejutan budaya kerana sebelum itu menyangka kehidupan di kampus bagaikan sedang berbulan madu.

"Antara yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana mahu menyesuaikan diri untuk tinggal di kolej kediaman kerana di universiti awam (UA) biasanya kemudahan ini diberikan kepada siswa baru.

"Kolej kediaman menjadi medan pertama untuk belajar erti perkongsian, tolak ansur dan berdiskari kerana tiada orang akan membantu anda kecuali diri sendiri dan rakan yang baik.

"Jika gagal menyesuaikan



JANGAN anggap tahun pertama pengajian sebagai bulan madu kerana ia akan menyukarkan hasrat siswa mencipta kecemerlangan. - Gambar/hiasan



SEBAIK diterima memasuki menara gading, siswa perlu menetapkan matlamat untuk mencipta kecemerlangan. - Gambar/hiasan

diri dengan kehidupan di asrama, banyak lagi konflik bakal muncul hingga boleh menyebabkan kehidupan terjejas dan hilang tumpuan belajar," katanya.

Dr Afandi menegaskan, sistem pembelajaran di kampus tidak menetapkan waktu wajib belajar dan terpujang pada siswa sendiri untuk membuat jadual.

"Di sini semua keputusan kita buat sendiri. Tiada sesiapa akan membuat keputusan untuk anda kerana kunci kebebasan diberikan sepenuhnya untuk anda merancang dan mengenal diri sendiri.

"Malangnya, apabila kunci kebebasan itu diberikan, ada siswa alpa menyebabkan mereka

terperangkap, seterusnya menyebabkan pencapaian akademik pada tahun pertama hanya 'suam-suam kuku' atau mungkin terpaksa 'bergraduan' lebih awal (diberhentikan kerana gagal dalam peperiksaan," katanya.

Beliau berkata, keputusan diraih siswa bergantung pada diri sendiri dan





BERGAUL dan berkawanlah dengan mereka yang bersikap positif. - Gambar hiasan



Sistem pengajian tinggi dirangka untuk membina kematangan berfikir, menajamkan kemahiran serta menambah nilai dalam diri, bukan keseronokan semata-mata

**DR AFANDI**



GUNAKAN kesempatan menyertai aktiviti yang menekankan kepelbagaian kemahiran. - Gambar hiasan



bagaimana mereka mahu belajar menyesuaikan diri atau masih dibelenggu angan-angan.

"Jika masih berangan-angan mengangap hidup di kampus mudah kerana ada rakan 'sporting', boleh bergelak ketawa, belajar sambil lewa tapi dapat keputusan cemerlang, jangan menyesal kalau berlaku sebaliknya.

"Sistem pengajian tinggi dirangka untuk membina kematangan berfikir, menajamkan kemahiran serta menambah nilai dalam diri, bukan keseronokan semata-mata," katanya.

Beliau berkata, mendepani cabaran alaf 21, kecemerlangan siswa tidak hanya diukur berdasarkan gred A yang dirangkul semata-mata, tapi pelbagai aspek lain turut diambil kira.

"Ramai anggap subjek tahun pertama mudah, sebab itu mereka belajar sambil lewa. Tapi apa yang tidak mereka sedari ialah tahun pertama sangat penting untuk membantu

memperoleh keputusan cemerlang pada tahun seterusnya dengan syarat mereka konsisten," katanya.

Dr Afandi juga meminta siswa tahun pertama menyertai aktiviti yang menekankan kepelbagaian kemahiran.

"Di universiti banyak perkara positif boleh dipelajari untuk mengembangkan bakat dan jati diri. Semuanya disediakan bagi melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang seperti termaktub dalam Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT)," katanya.

Beliau menasihatkan siswa supaya mengenali individu penting seperti kepimpinan universiti, penasihat akademik (PA), pensyarah dan kepimpinan fakulti dan kolej kediaman.

"Bina hubungan profesional bersama mereka untuk mendapat bimbingan," katanya.



BERUSAHA mengenali kepimpinan di universiti untuk mendapatkan bimbingan. - Gambar hiasan